




MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;
BAHANA NIKAH
SINDIKET



ISLAMIC SALVAGE OBEYANCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor



"BAHANA NIKAH SINDIKET".1

| | |
|---|---|
| 2 | الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنَىٰ وَثُلَاثَ وَرُبْعَ ۚ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا تَعُولُوا ﴿٣﴾ |
| 3 | أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. |
| 4 | أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. |
| 5 | قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٣﴾ |
| 6 | Saya ingin berpesan, marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya serta memelihara Akidah agar sentiasa beroleh rahmat dari Allah SWT. |
| 6 | Khutbah pada hari ini akan membicarakan satu tajuk iaitu " BAHANA NIKAH SINDIKET. " |



| | |
|--|----|
| <p>Bernikah adalah salah satu ibadah yang telah diperintahkan oleh Allah SWT dan menjadi salah satu Sunnah Nabi Muhammad SAW yang utama. Bernikah juga dituntut sebagai suatu usaha menyambung silaturrahim serta keturunan seseorang di masa hadapan di samping membina keluarga yang bahagia di dunia dan akhirat.</p> | 7 |
| <p>Dengan niat dan tujuan yang sangat murni, syariat Islam telah menetapkan setiap pernikahan yang dijalankan wajib memenuhi rukun dan syaratnya agar matlamat utama pernikahan dapat sesuai dengan salah satu Maqasid Syariah iaitu "memelihara nasab" dapat diimplementasikan dalam kehidupan sesebuah keluarga.</p> | 8 |
| <p>Oleh itu, sebagai umat Islam dan khususnya rakyat di negeri Selangor, kita perlu sedar urusan pernikahan yang akan dijalankan perlu mengikut undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa agama bagi memastikan setiap akad nikah adalah menepati hukum syarak demi kebaikan suami isteri dan ahli keluarga.</p> | 9 |
| <p>Mutakhir ini, kita sering mendengar semakin ramai umat Islam di Malaysia amnya dan di negeri Selangor khususnya telah melaksanakan majlis akad nikah di luar negara seperti di Thailand, Indonesia, India, Pakistan, Bangladesh dan pelbagai negara lain, yang mana pernikahan yang dijalankan ada yang mendapat kebenaran dari pihak berkuasa yang telah diamanahkan seperti Jabatan Agama Islam Negeri di Malaysia dan sangat mendukacitakan ada pernikahan yang dijalankan tanpa mendapat kebenaran sebelum akad nikah dijalankan.</p> | 10 |



Pelbagai sebab utama telah dikenalpasti menjadi punca berlakunya pernikahan di luar negara dan ada pernikahan yang dijalankan tanpa kebenaran atau yang disebut sebagai "nikah sindiket", di antaranya adalah:

1. Berpoligami tanpa kebenaran dengan alasan ianya lebih mudah tanpa melalui proses di mahkamah dan tanpa pengetahuan isteri-isteri sedia ada, sedangkan berpoligami dianjurkan antaranya dapat membina jaringan keluarga yang lebih luas dengan sifat kasih sayang sesama ahli keluarga;

11

2. Mendakwa wali nasab sedia ada tidak bersetuju atau enggan, sedangkan perkara ini boleh diselesaikan dengan permohonan wali hakim atau wali raja di Mahkamah Rendah Syariah dan ianya lebih mudah dan selamat daripada kesan negatif jangka panjang;

12

3. Pasangan yang telah terlanjur hinggakan ada yang telah mengandung. Oleh sebab itu mereka yang menganggap bernikah di luar negara dapat menutup aib mereka, sedangkan hakikatnya setiap perbuatan dosa itu tetap wajib bertaubat dan bersedia bertanggungjawab dengan kelahiran anak yang mungkin menjadi tidak sah taraf;

13

4. Pasangan yang bernikah dengan warga asing dengan anggapan ianya mudah kerana tidak perlu mendapatkan kebenaran dari pihak bertanggungjawab bagi warga asing tersebut, sedangkan proses pendaftaran tanpa kebenaran akan mengambil masa yang lama dan biasanya akan menyebabkan kesukaran mendapatkan visa untuk terus tinggal di negara ini;

14



5. Rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara kerana belajar atau bekerja di luar negara sering mengaggap tidak perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak berwajib sedangkan pelbagai kemudahan telah ada bagi mendapatkan kebenaran untuk berkahwin.

15

Sedarkah kita atau mungkinkah kita tidak tahu, terlalu banyak masalah yang akan timbul akibat bernikah diluar negara tanpa kebenaran ini, habis fikirkah kita akan baik buruknya, bersediakah kita untuk menguruskan semula pendaftaran perkahwinan di negara ini, bersediakah kita menghadapi pelbagai masalah yang biasanya akan membawa tekanan dalam kehidupan berumah tangga? Atau adakah kita tidak peduli langsung dengan apa yang akan terjadi asalkan kehendak kita tercapai sehinggakan ada yang berani melanggar syariat Allah SWT dan undang-undang! Wahai muslimin! Berfikirlah dengan minda yang waras serta hati yang jernih serta tawaduk sebelum kita cuba ingin melakukannya.

16

Khatib juga ingin menjelaskan, di antara bahana nikah luar negara tanpa kebenaran atau pernikahan secara sindiket adalah;

1. Proses pendaftaran pernikahan tersebut akan memakan masa yang panjang kerana melibatkan prosiding dan dokumentasi untuk didaftarkan semula kerana melibatkan pengesahan dari Mahkamah dan akan bertambah rumit sekiranya dokumen yang dikemukakan tidak mencukupi atau palsu;

17



| | |
|---|----|
| <p>2. Jika tidak didaftarkan, maka tiada Surat Perakuan Nikah yang benar akan diperolehi dan kita harus sedar Surat Perakuan Nikah sangat penting dalam kehidupan kita sebagai suami isteri, tanpanya kita tidak dapat mendaftarkan kelahiran anak seperti biasa lalu mengakibatkan status pengesahatarafan dan warganegara juga tidak dapat dipastikan. Urusan perubatan, rawatan dan pendidikan anak juga akan bermasalah jika tidak mendapat status warganegara;</p> | 18 |
| <p>3. Menghadapi masalah dalam urusan penyambungan visa untuk terus berada dalam negara ini yang akhirnya terpaksa berulang alik ke luar negara yang memerlukan kos kewangan yang tinggi;</p> | 19 |
| <p>4. Pengurusan harta pusaka juga akan turut terkesan kerana pihak yang berkaitan gagal mengemukakan dokumen pernikahan yang diiktiraf;</p> | 20 |
| <p>5. Pelbagai tuntutan di mahkamah seperti, tuntutan perceraian, pengesahatarafan anak, tuntutan nafkah, tuntutan hadhanah, tuntutan keadilan berpoligami antara isteri-isteri, tuntutan harta sepencarian dan sebagainya tidak dapat diuruskan juga disebabkan gagal mengemukakan Surat Perakuan Nikah yang diiktiraf.</p> | 21 |
| <p>6. Harus diingat juga, bahana yang sangat memeritkan adalah apabila mahkamah mendapati pernikahan yang di jalankan di luar negara adalah tidak sah kerana tidak menepati Hukum Syarak, maka pernikahan yang berlaku akan difaraqkan atau dibubarkan. Kaedah fiqh menyatakan:</p> | 22 |



الأصل في الأُبْضَاعِ التَّحْرِيمِ

23

"Asal dalam perkara jimak adalah haram".

7. Tindakan undang-undang dibawah Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 boleh dikenakan kerana bernikah tanpa kebenaran dan boleh dikenakan denda RM 1000 atau penjara enam bulan atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan. Antara kesalahan-kesalahan yang akan dikenakan denda seperti yang disebutkan juga adalah kesalahan Seksyen 124 poligami tanpa kebenaran, Seksyen 40 akad nikah tanpa kebenaran, Seksyen 31 lewat mendaftar perkahwinan dan Seksyen 134 bersubahat melakukan pernikahan.

24

Menyedari hakikat bahana perkahwinan luar negara tanpa kebenaran atau pernikahan sindiket, umat Islam wajib mengambil pengajaran seperti berikut:

1. Pernikahan yang hendak dilaksanakan mestilah mengikut Hukum Syarak dan segala peraturan yang telah ditetapkan oleh pemerintah demi sebuah kehidupan keluarga yang mawaddah, wa rahmah, sakinah dan sentiasa mendapat keredaan Allah SWT
2. Pernikahan yang dilaksanakan dengan tidak mengikut peraturan akan membawa pelbagai masalah dan akan merugikan banyak pihak terutamanya suami isteri kerana tidak mempunyai Surat Perakuan Nikah yang diiktiraf.
3. Undang-undang yang dibuat bukanlah untuk menyusahkan mana-mana pihak, bahkan tujuan utama Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 dikuatkuasakan bagi menjaga kebajikan isteri dan anak-anak pada masa akan datang.

25



| | |
|---|----|
| <p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾</p> | 26 |
| <p><i>"Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmat-Nya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-Rum : 21).</i></p> | 27 |
| <p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p> | 28 |
| <p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p> | 29 |



KHUTBAH KEDUA

| | |
|---|---|
| 1 | الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، |
| 2 | وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. |
| 3 | أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. |
| 4 | Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat. |
| 5 | إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾ |
| 6 | اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. |
| 7 | اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. |
| 8 | اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ. |



| | |
|--|----|
| اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، | 9 |
| جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. | 10 |
| اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، | 11 |
| فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ. | 12 |
| Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE). | 16 |
| Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah. | 17 |



| | |
|--|----|
| <p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p> | 18 |
| <p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p> | 19 |
| <p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p> | 20 |
| <p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p> | 21 |
| <p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p> | 22 |